

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN menyatakan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi isu pengambilalihan tanah sawah sebagai tapak industri dan perumahan serta bagaimanakah mahu memastikan jaminan rantai makanan itu berterusan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehilangan tanah sawah adalah sebanyak 15.3% dalam tempoh sedekad lalu yang merupakan satu cabaran dan perkembangan yang amat mengusarkan. Kehilangan tanah sawah yang sebahagian besarnya secara kekal ini bagi pelbagai tujuan pembangunan boleh mengancam pengeluaran padi dan beras negara sekaligus sekuriti bekalan makanan negara bagi beras.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum jus, hal ehwal tanah berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, MAFI sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri dan sentiasa menyarankan agar kawasan jelapang dan luar jelapang dikekalkan statusnya sebagai kawasan pertanian.

MAFI juga sentiasa menekankan akan peri pentingnya tindakan pengekalan kawasan-kawasan pertanian khususnya pengeluaran padi dilakukan menerusi langkah pewartaan atau pengezonan secara khusus, di pelbagai platform samada Majlis Tanah Negara, Majlis Perancang Fizikal Negara, Mesyuarat Menteri Pertanian Bersama Bersama Exco-Exco Pertanian Negeri-negeri dan sebagainya. Ini bagi memastikan sekuriti bekalan makanan negara kekal terjamin dan terpelihara pada masa akan datang.

Dalam masa yang sama, bagi memastikan kemampunan (*sustainability*) pengeluaran padi bagi jaminan sekuriti makanan, kita tidak lagi boleh bergantung kepada kawasan bertanam yang sedia ada yang semakin menyusut saban tahun. Dalam konteks ini, penumpuan terhadap peningkatan produktiviti di kawasan penanaman sedia ada harus diberikan penekanan sebagai suatu alternatif. Justeru, antara pendekatan yang diambil oleh MAFI adalah memperkenalkan Program SMART Sawah Berskala Besar atau lebih dikenali sebagai SMART SBB. Program SMART SBB ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran padi dan beras negara menerusi pengurusan sawah dan input pertanian yang lebih teratur dan cekap, pengaplikasian teknologi moden, serta penglibatan entiti swasta di sepanjang rantai nilai sehingga ke peringkat hiliran. Dalam masa yang sama, program ini bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan

## **SOALAN NO : 9**

pesawah padi melalui kerjasama pintar dengan pemain industri secara langsung menggunakan pendekatan pertanian kontrak (*contract farming*).

Program SMART SBB menyasarkan peningkatan purata hasil padi nasional kepada 7.0 tan metrik sehektar dalam tempoh RMKe-12 berbanding purata hasil semasa sekitar 3.5 hingga 4.3 tan metrik sehektar dalam membantu pencapaian Tahap Sara Diri (SSL) beras negara pada tahap 75% menjelang tahun 2025 atau sebelum berakhirnya RMKe-12. Pendekatan yang dilaksanakan juga akan membantu mengurangkan bebanan kewangan Kerajaan secara berperingkat khususnya dalam aspek-aspek penyediaan input pertanian, teknologi dan mekanisasi serta penyediaan infrastruktur menerusi pelaburan pihak swasta yang terlibat.

Pelaksanaan program SMART SBB ini akan dapat membantu meningkatkan pencapaian Tahap Sara Diri (*Self Sufficient Level – SSL*) beras negara menerusi sasaran kawasan seluas 150,000 hektar semusim atau 300,000 setahun yang akan dibangunkan dengan program ini.

Sekian, terima kasih.